

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SERTA MERTA

PROGRAM JEJAK CEMERLANG: KOMITMEN PERNAS TERHADAP PENDIDIKAN

BANGSAR SOUTH, 20 November 2024 – Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) terus komited dalam melaksanakan penganjuran Program Jejak Cemerlang bersama pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pantai yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malayisa (SPM) bagi tahun 2024. Penganjuran program pada tahun ini yang melibatkan seramai 150 orang pelajar Tingkatan 5 sekolah tersebut diadakan selama dua hari iaitu pada 20 dan 21 November 2024 di Menara Pernas.

Program ini dirasmikan secara simbolik melalui ucapan yang disampaikan oleh Encik Zaidi Bujang, Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat Pernas. Beliau menegaskan komitmen Pernas bukan sahaja fokus kepada pembangunan usahawan, malah pembangunan pendidikan dan kebajikan juga dititikberatkan. Program CSR Jejak Cemerlang SPM merupakan satu inisiatif tradisi dari Pernas bersama SMK Seri Pantai sejak tahun 2015.

Matlamat utama program ini adalah untuk membantu pelajar menguasai teknik menjawab soalan peperiksaan SPM dengan bimbingan guru-guru pakar dari kawasan Lembah Klang yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Sejarah dan Matematik. Selain itu, sesi perkongsian pengalaman daripada selebriti jemputan, Putra Amaris, juga diadakan melalui sesi "Saya Pantang Mengalah (SPM)". Sesi ini bertujuan untuk membina keyakinan diri dan kesedaran tentang kepentingan pendidikan dalam membentuk masa depan yang lebih cerah.

Encik Zaidi Bujang menyatakan, "Tahun lalu, melalui penganjuran program ini, sebanyak **86.5%** pelajar lulus setiap mata pelajaran dan peningkatan 2% untuk calon cemerlang yang memperoleh gred A".

Tambahan beliau, selain Jejak Cemerlang SPM, Pernas juga melaksanakan pelbagai lagi program CSR bersama guru-guru dan para pelajar SMK Seri Pantai seperti program Back To School, Pemberian Cermin Mata dan Kelab Usahawan Francais (KUF). Pernas berharap Program Jejak Cemerlang ini bukan sahaja dapat terus memberi manfaat kepada para calon SPM, malah menjadi contoh kepada agensi dan syarikat lain untuk melaksanakan usaha yang menyokong pembangunan pendidikan negara.

Untuk urusan media, sila hubungi:

Datin Suriani Abdul Rahman

Ketua Jabatan Komunikasi Strategik PERNAS

suriani.rahman@pernas.my

03-2082 7941/012-201 7132

PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)

Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) adalah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (Kementerian Kewangan) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia dan membantu mengembangkan komuniti keusahawanan negara.

Pernas komited untuk memperkasakan pertumbuhan keusahawanan dan industri francais di Malaysia. Dari bimbingan hingga menghubungkan jalinan rangkaian, pembiayaan dan latihan, kami menyasarkan untuk mengembangkan pengetahuan, mengukuhkan komuniti francais dan memupuk bakat francais generasi akan datang. Dengan cara ini, kami percaya ia dapat memacu perubahan positif merentasi landskap keusahawanan Malaysia.

Laman web : www.pernas.my


Facebook/X/Instagram/LinkedIn : [pernasofficial](https://www.facebook.com/pernasofficial)



Ucapan perasmian Program CSR Jejak Cemerlang 2024 disampaikan oleh Encik Zaidi Bujang, Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat Pernas.



Encik Zaidi Bujang (duduk di tengah) bersama para guru SMK Seri Pantai, warga kerja Pernas dan para pelajar tingkatan 5 SMK Seri Pantai.





Sekitar sesi para pelajar bersama pakar subjek mata pelajaran di Program CSR Jejak Cemerlang 2024.